



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**3 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)**

# Ayam Segar Masih Dijual Murah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	12	3 Nov

Peniaga akur jual bahan mentah itu di bawah harga siling biarpun subsidi tamat

## Ayam segar masih dijual murah

Oleh NUR FATIN ZAHRA dan MUHAMMAD ZIKRI

**PETALING JAYA** – Peniaga ayam segar di pasar basah awam masih mengekalkan harga ayam segar di bawah harga siling RM9.40 sekilogram (kg) yang ditetapkan sebelum ini biarpun bahan mentah itu telah ditamatkan subsidi dan harga apungan mula dilaksanakan kelmarin.

Di **Pontian**, Johor, tinjauan di pasar awam mendapati, ada peniaga menjual ayam pada harga RM8 sekilogram walaupun sebelum ini berada pada paras RM8.50 hingga RM8.90 sekilogram.

Seorang pekerja di gerai ayam di pasar itu, Burhanudin Sayadi, 50, berkata, harga RM8 sekilogram adalah sebagaimana arahan yang dikeluarkan pemerintah dan dia hanya menjual se-

bagaimana biasa.  
Kata dia, biarpun ketika ini banyak persalinan dengan harga yang menjual ayam



BURHANUDIN memotong ayam yang ditempah oleh pelanggan di Pasar Ayam Pontian semalam.

berhampiran kawasan pasar awam itu, kurni dapat menjual ayam 100 hingga 150 ekor sehari ber-

Sementara itu di **Sungai Buloh**, Selangor kebanyakan peniaga ayam di Pasar Awam Sungai Buloh menjual ayam pada harga antara RM9 hingga RM9.40.

Mereka masih menjualnya pada harga ditetapkan sebelum ini, biarpun timbul kerisauan tentang kenaikan harga yang mungkin berlaku pada masa depan.

Menurut pesara tentera yang lebih mesra disapa sebagai Abang Mi, sebarang perubahan dari segi harga tertakluk pada harga yang ditetapkan oleh para pembekal.

"Buat masa ini, saya masih boleh menikmati keuntungan sebanyak RMI sekilogram. Bagaimanapun, untukampung kos-kos lain seperti kos pekerja dan kos plastik pembungkusan, saya terpaksa mengenakan caj sebanyak 40 sen sebagai upah pemotongan.

"Sehari saya boleh jual sekitar 30 hingga 40 ekor ayam. Jika hari cuti, boleh capai 80 ekor," katanya.

# Lembu Mati Angkara Penternak Degil

**MEDIA**

**RUANGAN**

**MUKA SURAT**

**TARIKH**

Kosmo!

Negara

17

3 Nov

14 ekor haiwan peliharaan dirempuh kereta api di Bera

## Lembu mati angkara penternak degil


Oleh AZIZAH SHAFIEI

**BERA** – Bukan sekali tetapi dua kali kejadian melibatkan sekumpulan lembu dirempuh Kereta Api Ekspres Rakyat Timuran (BERT).

Ketua Polis Daerah Bera, Supterintendan Zulkiflee Nazir berkata, kejadian itu berpunca daripada tindakan segelintir penternak yang membiarkan haiwan peliharaan mereka lepas bebas hingga membahayakan nyawa orang lain.

Katanya, kejadian terbaharu berlaku pada pukul 3.10 pagi semalam apabila 10 daripada 14 ekor lembu mati akibat dirempuh ERT di Kilometer (km) 84.5 hingga Km 84.7 antara Stesen Bahau, Negeri Sembilan dengan Stesen Triang di sini.

"Bagaimanapun, 341 penumpang dan kru tidak mengalami kecederaan, namun pelanggaran itu telah mengakibatkan kerosakan pada injen kereta api larian ge-arak tersebut," katanya.



ALICCO/Ajilji bantuan riel la shana glar u lip ula 10 ekor lembu yang mati akibat dirempuh ERT di Bera semalam.

kedua. Kes pertama berlaku pada pukul 3.15 pagi Selasa lalu apabila ERT yang membawa 400 penumpang dan lima kru telah merempuh lima ekor lembu yang berkeliaran di kawasan sama," katanya di sini semalam.

Menurut Zulkiflee, insiden itu kerap berlaku kebelakangan ini yang mengundang bahaya dan risiko kepada penumpang dan kru kereta api.

Tambahnya, polis ingin mencadangkan kepada pihak penguat kuasa berkaitan supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi mengelakkan kejadian lebih buruk pada masa akan datang.

"Tindakan penternak membiarkan haiwan peliharaan mereka seperti ini adalah tidak wajar kerana ia membahayakan nyawa orang lain.

"Setakat ini, tiada lagi insiden yang menyebabkan kecederaan atau kehilangan nyawa tetapi para penternak perlu diberi nasihat serta mengambil tanggungjawab dengan insiden yang berlaku ini," ujarnya.

## Bina 'Pusat Pemindahan' Elak 30 Ekor Lembu Hanyut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	16	3 Nov



ISMADI menunjukkan pusat pemindahan yang bakal menempatkan 30 ekor lembu peliharaannya di Kampung Sungai Tarom, Setiu semalam.  
- WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

### Bina 'pusat pemindahan' elak 30 ekor lembu hanyut

**SETIU** - Seorang penternak lembu mengambil inisiatif membina kandang sementara yang bakal menempatkan 30 ekor haiwan ternakannya sepanjang musim tengkujuh tidak lama lagi bagi mengelakkan dihanyutkan banjir.

Ismadi Ibrahim, 51, berkata, kandang sementara dipanggil 'pusat pemindahan' tersebut dibina di kawasan berbukit berdekatan pusat ternakan lembunya.

"Saya mengambil pengajaran musim tengkujuh pada hujung tahun lalu apabila lima ekor lembu peliharaan saya mati serta hilang akibat dihanyutkan banjir.

"Kerugian dialami ketika itu hampir RM20,000. Ia membuatkan saya serik tidak mahu berulang semula pada Monsun Timur Laut (MTL) tidak lama lagi," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Sungai Tarom, di sini semalam.

Ismadi berkata, lokasi penternakan lembunya berisiko tinggi untuk dilanda banjir sepanjang musim tengkujuh kerana terletak berhampiran dengan sungai.

Sehubungan itu, beliau memilih kawasan berbukit terabit sebagai lokasi pembinaan pusat pemindahan kerana

kedudukannya yang agak tinggi dan terselamat daripada ancaman banjir.

"Berdasarkan pengalaman terdahulu, hanya kawasan berbukit itu tidak dilanda banjir sedangkan sekelilingnya tenggelam.

"Sehubungan itu, saya mula membina 'pusat pemindahan' terabit sedikit demi sedikit sejak beberapa bulan lalu melibatkan kos kira-kira RM15,000," katanya.

Ismadi berkata, pusat tersebut lengkap dengan padang ragut yang mencukupi sebagai sumber makanan kepada lembu ternakan saya sepanjang tempoh MTL nanti," katanya.

Ismadi berkata, dia kini menunggu masa memindahkan 30 lembu peliharaan sebaik Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengumumkan ramalan dan amaran.

Dia berharap inisiatif itu dapat mengurangkan risiko kematian ternakannya akibat bencana banjir pada musim tengkujuh kali ini sehingga MTL berakhir pada Mac tahun depan.

"Pusat pemindahan ini tidak akan dibazirkan sebaliknya dicadangkan dimanfaatkan untuk menempatkan lembu betina yang baru lepas beranak selepas ini," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	9	3 Nov

# Tiada peningkatan harga ayam

KPKM tinjau jualan ayam di tiga negeri pada hari pertama pengapungan harga bekalan itu

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
SHAH ALAM

**K**ementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengadakan tinjauan hari pertama pengapungan harga ayam di sekitar kawasan Selangor, Negeri Sembilan serta Putrajaya pada Rabu.

KPKM dalam satu kenyataan berkata, tinjauan itu bertujuan memantau ketersediaan bekalan ayam dan harga yang ditawarkan di pasaran semasa. Menurut kenyataan itu, secara keseluruhan harga ayam adalah antara RM7.39 hingga RM9.40 sekilogram dan tiada peningkatan sepanjang sambutan-bekalan yang dicatatkan. Ia berdasarkan pemantauan di-

laksanakan dan pengguna mempunyai pelbagai pilihan dari segi harga jualan serta jenis ayam mengikut lokasi atau tempat jualan.

"Aspek bekalan juga stabil dan mencukupi untuk keperluan pengguna, KPKM akan terus bekerjasama erat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam memastikan kestabilan bekalan ayam di pasaran serta memantau sebarang aktiviti pencatutan yang dilaporkan," kata kenyataan itu.

Sesi pemantauan diketuai Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali bersama Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri.

Sebelum ini, KPKM memaklumkan kerajaan bersejajunya agar subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan sepenuhnya bermula 1 November bagi mengurangkan ketirisan yang mana pada ketika ini turut dinikmati warga asing serantau golongan berpendapatan tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun menjelaskan, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan mengurulan mekanisme sedemikian.



KPKM melakukan pemantauan hari pertama pengapungan harga ayam di sekitar kawasan Selangor, Negeri Sembilan serta Putrajaya pada Rabu.

Menurut kenyataan itu, tinjauan di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan mendapati harga ayam standard dijual pada harga RM9.40 sekilogram dengan caj perkhidmatan pemotongan sebanyak 50 sen.

"Manakala di Pasar Raya Econsave Kota Warisan Sepang, ayam standard dijual RM8.39 sekilogram, Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) Sungai Merab pula harga ayam super dijual pada harga RM9.20 sekilogram," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, pemantauan di sekitar Nilai, Negeri Sembilan pula men-

dapati ayam standard berada pada kadar berpatutan, manakala di Pasar Awam Sementara Nilai harganya RM9.40 sekilogram.

"Di Pasar Raya Giant Superstore Nilai, harga ayam standard adalah RM7.89 sekilogram dan Lotus Nilai Putra dijual RM7.39 sekilogram.

"Putrajaya pula, harga ayam super di Pasar Raya Mydin dijual RM7.99 sekilogram, manakala di Peladang Outlet PPK RM9.00 sekilogram," kata kenyataan itu.

Scanned with CamScanner

# INTAN Jawapan Kepada Krisis Bekalan Makanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Cetusan	16	3 Nov

## INTAN jawapan kepada krisis bekalan makanan



ANALISIS  
MUKA 16

HAFEZDZULLAH  
MOHD HASSAN

**C**uaca yang tidak menentu dan konflik di beberapa buah negara adalah antara faktor yang menyumbang kepada krisis bekalan makanan dunia mutakhir ini.

Bibit-bibitnya mula terasa di negara kita apabila bekalan seperti ayam dan telur kurang di pasaran sehingga harganya melonjak dan membebankan rakyat.

Biarpun situasi tersebut belum sampai ke tahap terputusnya bekalan, namun ia mencetuskan keresahan dalam kalangan rakyat.

Lihat sahaja apa yang berlaku beberapa bulan lalu apabila kerajaan India mengambil keputusan menghentikan eksport beras mereka.

Tidak semena-mena, kita kekurangan bekalan sehingga harga beras import meningkat, sekali gus menuntut rakyat bertukar kepada beras tempatan yang jumlahnya terhad.

Terbaharu, India mengehadkan pula eksport bawang sehingga harga keperluan dapur tersebut meningkat di pasaran.

Sekali lagi negara kita terkesan dengan keputusan negara tersebut yang menyebabkan Malaysia perlu membayar RM3,822 bagi setiap tan bawang diimport.

Situasi tersebut tidak mustahil akan berulang dan memberi kesan kepada rakyat kerana negara kita masih bergantung kepada import makanan berjumlah RM70 bilion setahun. Malangnya, kerana Malaysia masih belum

mampu menghasilkan bekalan makanan seperti bawang, jagung dan soya sedangkan mengimportnya perlu bagi menampung permintaan tempatan.

Mujur kerajaan bertindak pantas mewujudkan satu rancangan proaktif bagi menangani situasi berkenaan dengan memperkenalkan projek Inisiatif Usahawan Tani (INTAN).

Sebagaimana umum sedia maklum, INTAN merupakan satu daripada tiga komponen penting yang berada di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

ia boleh disifatkan sebagai strategi serampang dua mata kerana mampu memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Inisiatif tersebut berpotensi menyelesaikan masalah ekonomi harian rakyat seperti kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga barang dapur.

Lebih menarik, ia juga dikatakan mampu membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan rakyat miskin tegar dan B40.

Sungguhpun pelaksanaannya masih baharu namun INTAN mendapat respons yang positif daripada rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Ramai yang mula membuka mata apabila satu demi satu projek pertanian diusahakan itu menunjukkan perkembangan positif.

Antara yang menarik perhatian ialah projek cili fertigasi di Putrajaya dan Petaling Jaya, tanaman jagung dan kacang soya di Tambunan serta nenas MD2 di Kota Marudu.

Kesemua projek tersebut dilaporkan bakal mengeluarkan hasil dalam jangka masa terdekat, sekali gus

memberi manfaat kepada negara, termasuk peserta yang mengambil bahagian.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, projek rintis pertamanya di Putrajaya dijangka dapat menghasilkan lebih kurang 100 tan metrik cili fertigasi sebulan.

INTAN juga membantu pesertanya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan, katanya.

Secara amnya, inisiatif diperkenalkan Kementerian Ekonomi itu memberi gambaran jelas bahawa kerajaan berjaya mewujudkan satu bentuk penyelesaian kepada masalah kekurangan bekalan makanan yang dihadapi negara.

Namun, sejauh mana keberkesanannya masih belum diketahui lagi kerana projek berkenaan masih lagi di peringkat awal dan memerlukan masa untuk mencapai proses matang.

Kerajaan masih lagi berusaha mengajak rakyat untuk menyertai projek tersebut bagi mengusahakan tanaman atau ternakan yang memberikan hasil dalam tempoh kurang dua tahun.

Berdasarkan data Kementerian Ekonomi, seramai 47,909 individu berpendapatan rendah layak menyertai IPR bagi ketiga-tiga kategori.

Justeru, sokongan rakyat terutamanya mereka yang layak menyertai INTAN itu amat-amat diperlukan bagi memastikan usaha kerajaan membantu rakyat itu benar-benar membuahkan hasil.



*“INTAN merupakan satu daripada tiga komponen penting yang berada di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).”*

*\*Hafezdzullah Mohd Hassan ialah wartawan Sinar Premium.*

## Tren Bawa 336 Penumpang Rempuh 14 Ekor Lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	3 Nov

# Tren bawa 336 penumpang rempuh 14 ekor lembu

Kesemua penumpang selamat dan tidak mengalami kecederaan.

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
BERA

**S**eramai 336 penumpang Kereta Api Ekspres Rakyat Timur (ERT) berdepan detik cemas selepas tren yang dinaiki mereka terlanggar 14 ekor lembu di Kilometer (KM) 84.5 Stesen Triang pada awal pagi Rabu.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.10 pagi itu, tren yang turut membawa lima kru tersebut mengalami kerosakan pada bahagian enjin dan paip BP, MV dan vacuum patah.

Menurut Ketua Polis Daerah Bera, Superintendan Zulkiflee Nazir, kesemua

penumpang selamat dan tidak mengalami kecederaan.

"Tiada halangan ditemui pada atas kawasan landasan.

"Perjalanan tren melibatkan lapan gerabak itu dari Gemas ke Tumpat kemudiannya diteruskan selepas pemeriksaan kerosakan dilakukan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Zulkiflee berkata, kesemua lembu yang terlibat ditemui mati akibat kejadian tersebut.

Dalam pada itu, beliau memberitahu kekerapan kes melibatkan tren dan haiwan ternakan sejak kebelakangan ini.

"Insiden ini mengundang bahaya dan berisiko kepada penumpang walaupun sebelum ini belum berlaku sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa.

"Jadi kita mengingatkan para penumpang selain bertanggungjawab dengan haiwan ternakan masing-masing," tambah beliau.

Jika Zulkiflee lagi, tindakan penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkaitan

FOTO: IHSAN PDRM



Kesemua 14 ekor lembu ditemui mati akibat pelanggaran dengan tren terbabit.

perlu dilakukan bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk di masa akan datang.

**POH PALEH MENI**



## Kembali Ternak Patin Meskipun Rugi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	29	3 Nov

# Kembali ternak patin meskipun rugi

**MARAN:** Memandangkan permintaan terhadap ikan patin masih tinggi, pengusaha ikan sangkar di Chenor di sini tekad meneruskan kembali penternakan miliknya yang terhenti dua bulan lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha ikan sangkar di Kampung Tanjung Berangan, Pesagi, Chenor, Rosmawati Sulaiman, 41, berkata, sebelum ini, perusahaannya terhenti berikutan air sungai kering sehingga mengalami kerugian besar.

"Kini, saya dan suami mengambil keputusan untuk memulakan kembali perusahaannya kami kerana melihat air Sungai Pahang sudah kembali kepada normal," katanya di sini semalam.

Rosmawati berkata, walaupun musim kemarau sudah berlalu, namun, penternak ikan patin akan terus berdepan dengan lain-lain risiko, tambahan

pula musim Monsun Timur Laut (MTL) akan tiba tidak lama lagi.

Katanya, kualiti air sungai yang semakin berkurangan menjadi satu daripada punca anak ikan patin mati atau tidak dapat membesar dengan baik.

"Saya lihat kualiti air Sungai Pahang sudah tidak lagi seperti dahulu dan perkara ini turut diakui oleh rata-rata penternak ikan patin sangkar di Maran dan Temerloh.

"Tambahan pula dengan keadaan cuaca yang tidak menentu kini akan menyebabkan air sungai kadang kala menjadi terlalu berlumpur atau terlalu keruh sekali gus mengganggu pembesaran ikan," katanya.

Menyentuh tentang kos penyenggaraan pula, Rosmawati berkata, tidak dinafikan, kebanyakan harga barangan kini semakin mahal.



**ROSMAWATI Sulaiman (kiri) dalam proses memulakan kembali perusahaannya ikan patin sangkar miliknya yang sebelum ini terhenti berikutan air sungai kering.**

Scanned with CamScanner

## Harga Ayam Cecah RM11 Sekilogram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	3 Nov

# Harga ayam cecah RM11 sekilogram

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**  
**TENGGU YUSOFF**  
utusannews@mediamula.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Harga ayam segar di beberapa lokasi di daerah ini tinggi mencecah RM11 sekilogram selepas kerajaan menamatkan subsidi ayam dan harga kawalan bermula kelmarin.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Manir di sini, semalam mendapati, harga berkenaan merupakan yang tertinggi berbanding beberapa lokasi lain di sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus.

Seorang peniaga yang enggan dikenali mendakwa, kenaikan itu berlaku ekoran peningkatan harga di peringkat pembekal sekali gus memaksa mereka menjual pada harga RM11 sekilogram.

"Sebelum ini pun sama, kalau mereka (pembekal) naikkan harga 50 sen, saya juga terpaksa naikkan harga jualan 50 sen dan jika naik RM1, saya terpaksa naikkan RM1 lagi.

"Buat masa ini, harga diterima daripada pembekal adalah RM10 sekilogram sebelum naik kepada RM10.50 sekilogram dan saya terpaksa menjual pada harga RM11 sekilogram," katanya ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Bukit Besar pula mendapati harga sumber protein itu lebih rendah iaitu antara RM9 hingga RM10 sekilogram walaupun tiada lagi harga kawalan



**MOHD. Anuar Mohd. Rashid memotong ayam yang ditempah pelanggan di Pasar Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF**

ditetapkan kerajaan.

Seorang peniaga, Mohd. Anuar Mohd. Rashid, 38, berkata, mereka masih mampu bertahan dengan harga lebih murah, namun, tidak menolak kemungkinan akan berlaku kenaikan dalam masa terdekat.

Katanya, penurunan harga juga boleh berlaku memandangkan bekalan ayam yang mencukupi di peringkat penternak dan pembekal yang boleh menyebabkan berlaku lambakan.

"Minggu ini ada sedikit pengurangan harga daripada pembekal dan bekalan juga mencukupi, tiada masalah. Cuma, kami belum dapat perkembangan berkenaan harga pada

minggu depan.

"Semuanya bergantung kepada harga di peringkat pembekal, jika turun, kami akan menurunkan harga jualan runcit, namun, jika naik, kami terpaksa menaikkan harga," jelasnya.

Seorang suri rumah, Intan Syazliana Mokhtar, 41, pula menyifatkan harga runcit ayam masih stabil dan tidak membebankan pengguna walaupun pada awalnya bimbang dengan penamatan harga kawalan.

"Sebagai pembeli, saya berharap harga mampu milik bagi bahan mentah seperti ayam dan ini sedikit melegakan pengguna dalam situasi ekonomi yang mencabar," katanya.

## Peniaga Menu Ayam Naikkan Harga

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	3 Nov

### Peniaga menu ayam naikkan harga

**GUA MUSANG:** Peniaga makanan di bandar ini memberi bayangan berkemungkinan besar mereka terpaksa menaikkan harga menu berasaskan ayam jika berlaku peningkatan 'luar biasa' susulan kerajaan menghapuskan subsidi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Hasnah Deraman, 51, berkata, ketika ini kebanyakan peniaga masih mengekalkan harga jualan.

Menurutnya, ketika ini ayam standard masih dijual antara harga RM8.50 hingga RM11 di beberapa buah kedai dan pasar raya di daerah ini semalam.

"Saya menjual nasi gulai ayam RM5 ketika ini. Jika harga ayam naik mendadak atau tidak masuk akal saya mungkin akan menaikkan harga RM1 selepas ini.

"Bagaimanapun, saya berharap harga ayam tidak naik mendadak kerana pasti akan membebankan peniaga makanan dan pelanggan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peniaga nasi campur, Nor Asiah Mahmood, 55, pula berkata, setakat ini dia masih mengekalkan harga lauk ayam walaupun sebelum ini terpaksa menaikkan harga nasi putih hingga RM2 sepinggan selepas harga beras naik.

Katanya, sebagai peniaga mereka juga terhimpit namun tidak akan mengenakan harga keterlaluan kerana bimbang pelanggan lari.

"Ramai kawan-kawan peniaga, menyuarakan keluhan apabila mereka juga terbeban dengan kenaikan harga barangan asas lain sejak akhir-akhir ini. Kami berharap harga ayam stabil dan tidak naik sehingga kami terpaksa menaikkan harga jualan.

"Kami berharap pihak berwajib dapat membuat pemantauan secara kerap agar pembekal atau pemborong ayam tidak mengambil kesempatan dengan susulan pengumuman penamatan kawalan harga dan subsidi ayam," katanya.



**HASNAH** Deraman masih mengekalkan harga asal untuk lauk pauk termasuk ayam di kedainya di Bandar Lama, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

## Harga Ayam Cecah RM11 Sekilogram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	30	3 Nov

### Peniaga masih jual ayam goreng RM1 seketul



Siti Rahmah Ahmad melayan pelanggan yang membeli ayam goreng RM11 Berilya di Taman Mestra, Alpaig, Bali, G.

**BALING:** Seorang peniaga ayam goreng di daerah ini masih lagi menjual makanan tersebut dengan harga RM1 meskipun terdapat peniaga-peniaga lain seperti-pat telah menaikkan harga jualan mereka.

Siti Rahmah Ahmad, 43, dari Kampung Teluk Durian, Kupang, berkata, dia menjual ayam goreng seringginya itu sejak tujuh tahun lalu di kawasan perumahan Taman Mestra Kupang.

"Harga RM1 untuk seketul ayam goreng ini tidak pernah dinaikkan sejak awal niaga dahulu memandangkan di sini adalah kawasan kampung, kita faham

ekonomi penduduk tambahan pula yang memiliki anak-anak ramai, jadi padanlah dengan harga RM1.

"Lagipun saya berniaga di kedai sendiri, tidak kena bayar sewa, dan kertas serta plastik sahaja untuk membungkusnya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kerajaan bermula semalam menamatkan subsidi sumber protein itu dan melaksanakan pengapungan harga setelah harga sling sebelum ini ditetapkan RM9.40 bagi setiap kilogram (kg).

Menurutnya, setiap hari dia mampu menghabiskan jualanannya itu antara 1,200 hingga 1,500 ketul

ayam goreng pada hari-hari biasa, manakala bulan Ramadan pula boleh habiskan hingga 600 hingga 700 ketul ayam goreng.

"Biarlah harganya murah dan untungnya sedikit tetapi saya mempunyai pelanggan tetap yang sentiasa datang membeli ayam goreng ini untuk anak-anak mereka.

"Harga barangan semakin mahal pada masa ini, jadi keuntungan yang saya perolehi agak kecil berbanding sebelum ini, harga tepung gandum untuk bancuhan perapan ayam yang sebelum ini boleh dipat RM12.50 pun tetapi kini RM31 seketak," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	3 Nov

# Penternak rugi RM15,000 enam lembu mati dibaham harimau

Oleh AIN SAFRE BIDIN  
 utusanews@medianulla.com.my

**GOPENG:** Seorang penternak lembu di Kampung Jahang di sini mendakwa kerugian RM15,000 apabila enam ekor ternakannya mati dibaham harimau belang. Muhamad Noor Sarip, 82, berkata, dia percaya haiwan ternakannya itu mati diserang harimau berdasarkan kesan caruk pada bangkai lembu selain penemuan tapak kaki harimau berdekatan kandang lembu.

Menurutnya, ternakannya ditemukan mati sejak dua bulan lalu setelah empat ekor lembu hilang.

"Minggu ini dua ekor lagi lembu saya hilang dan selepas dicari, saya hanya terjumpa bangkai dengan kesan gigitan dan laheran caruk pada

"Berdasarkan keadaan bangkai lembu yang dijumpai itu, saya percaya haiwan ternak saya diserang harimau apatah lagi terdapat kesan tapak kaki harimau berdekatan kandang lembu.

"Perhilitan juga mengesahkan di kawasan ini memang terdapat laporan mengenai kemunculan harimau," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, keadaan itu membimbangkannya, mungkin lebih banyak ternakannya mati jika haiwan liar itu tidak segera diperangkap.

Katanya, dia juga bimbang kerana keselamatan dirinya dan penduduk sekitar kawasan kampung itu berikutan kemunculan haiwan liar itu.

"Sudah tentu penduduk berhampiran akan kemunculan haiwan itu dan saya berharap haiwan itu dapat ditangkap," ka-

tanya.


Kelmarin, Perhilitan Perak mengesahkan selain Kuala Mu di Sungai Siput, harimau belang turut didakwa berkeliaran di Kampung Sahom, Kampar.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff mengesahkan ada menerima aduan berkaitan kehadiran haiwan liar itu di Sahom.

Menurut beliau, harimau belang itu kemungkinan tersesat ekoran habitat asalnya terletak berhampiran di Hutan Simpan Salu.

Katanya, Sahom dekat dengan Hutan Simpan Salu, mungkin harimau tersebut terjajak mencari makan kerana babi hutan di kawasan itu berkurangan ekoran wabak demam babi Afrika (ASF).

Katanya, Perhilitan sudah pasang perangkap bagi menangkap harimau belang itu.



PENTERNAK menjaga lembu ternakan di Kampung Jahang. Gopeng kerana wujud kebimbangan mengenai kemunculan harimau belang di kawasan tersebut. - UTUSAN

# Proaktif Pantau Harga Ayam Tanpa Tunggu Aduan Pengguna

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH	Nasional	2	3 Nov



## Minda Pengarang

### Proaktif pantau harga ayam tanpa tunggu aduan pengguna

**Selepas** 24 jam kawalan harga ayam dihapuskan, terdapat trend penetapan harga berbeza begitu ketara berlaku di seluruh negara. Contohnya, harga ayam di Terengganu mencecah RM11 sekilogram tetapi di Mersing, Johor, harganya sekitar RM6 hingga RM7.

Perbezaan ketara harga ayam ini mencetuskan tanda tanya, apakah asas digunakan penjual untuk menjual ayam melebihi harga siling sebelum ini, RM9.40 tetapi di tempat lain, ada peniaga mampu menjual ayam pada harga lebih rendah daripada harga siling?

Padahal, kedua-dua tempat ini secara relatifnya boleh dianggap bukan kawasan tumpuan utama atau bandar besar, maka lazimnya kuasa permintaan lebih rendah berbanding di kawasan bandar utama terutama di pantai barat Semenanjung.

Mungkin peniaga akan memberi alasan 'klise' mengapa menjual pada harga tinggi seperti 'sudah ditetapkan pemborong', perlu menanggung kos pengangkutan, pengajian pekerja dan mengambil kira kos melepasi lain seperti bil utiliti.

Sekiranya julat harga begitu ketara ini boleh berlaku di luar musim perayaan, tidak mustahil harga ayam akan melonjak melebihi harga siling pada musim perayaan, cuti sekolah apabila banyak orang mengadakan kenduri kendara atau pada cuti hujung minggu.

Sementara itu, negara kini memasuki fasa Monsun Timur Laut dengan risiko hujan lebat dan banjir amat tinggi berlaku. Faktor cuaca dan iklim diketahui sering dijadikan alasan pemborong dan peniaga untuk menghalalkan tindakan mereka menaikkan harga jualan ayam iaitu terputus bekalan.

Setakat ini, peniaga mungkin dalam fasa menyesuaikan harga jualan ayam dengan menetapkannya sekitar harga siling kerana faktor stok masih mencukupi. Namun, dalam tempoh beberapa minggu lagi atau menjelang perayaan Deepavali minggu depan, tidak mustahil harga ayam berpotensi meningkat kerana permintaan pasti bertambah waktu itu.

Rekod dan data harga jualan ayam sebelum ini menunjukkan trend peningkatan, terutama pada musim perayaan. Justeru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup perlu bersedia lebih awal untuk berdepan kemungkinan 'permainan' harga ayam ditentukan pengeluar dan pemborong.

Kementerian tidak boleh menunggu pengguna membuat aduan atau media melaporkan kenaikan harga ayam di pasaran, sebaliknya perlu lebih proaktif membuat tindakan awalan khasnya pemantauan kerap secara berkala dan penguatkuasaan lebih tegas terhadap pihak terbabit dalam rantaian industri ayam jika berlaku kenaikan harga secara melampau.

Pada masa sama, industri tidak boleh menjadikan keputusan kerajaan mengapungkan harga ayam sebagai tiket untuk memanipulasi harga sumber protein penting dalam negara ini. Industri patut lebih berperikemanusiaan menetapkan harga ayam sebagai tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat pengguna.

Pengguna juga perlu bijak memainkan peranan mereka dalam merancang pembelian barang keperluan dan makanan kerana terdapat sumber protein lain lebih ideal boleh dibeli pada paras harga wajar berbanding membeli ayam.

## Keeping Chicken Prices In Check

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	3	3 Nov

# Keeping chicken prices in check

**Armizan: Action will be taken against those who sell poultry at high rates**

By ARFA YUNUS  
arfoyunus@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Areas detected to be selling food items at high prices will be "micromanaged" as part of a series of immediate measures to ensure the current price monitoring process is effective, says acting Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

The ministry had identified areas where chicken was being sold above the previous ceiling price of RM9.40 per kg, he said.

"In some places, there are sell-

ers who offer chicken at about RM11 per kg, but when we go to other premises in the same area, they are able to sell chicken below RM9.40. We have said that the highest (price of chicken) is RM9.40. If there is a supply problem, we will resolve that with the Agriculture and Food Security Ministry," he added.

However, if some premises continue to charge high prices, Armizan said more regular visits would be made by enforcement officers who would get to the bottom of the issue.

"We will determine the opera-

tional cost of the premises and how much its profit margin is.

"If the profit margin is ridiculously high, we will advise (the business) or take the necessary action according to the law.

"If some premises in the same area can offer lower prices, it shows that they can afford to sell chicken below RM9.40. We want to ensure this, which is why we will 'micromanage'," he said.

Other price-monitoring actions include continuous checks, area-targeted solutions, and expanding intervention programmes in problematic areas.

"The first approach is to do continuous monitoring on the ground by our enforcement officers where relevant laws will be used to resolve arising issues.

"Second is the implementation of 'area-targeted solutions' according to certain problematic locations that we identify.

"And finally, we will expand intervention programmes in areas facing certain issues, which include several places in the peninsula, Sabah, Sarawak and Labuan that we have identified.

"These three approaches are being carried out, effective imme-

diately," Armizan told a press conference at Wisma Rampai here yesterday.

Over 2,000 enforcement and about 900 price-monitoring officers are being deployed regularly to ensure sellers abide by the price limits of certain items, he added.

On Wednesday, Armizan said the price of chicken can be much lower than the previously set price of RM9.40 per kg, even after the subsidy and price control were removed that same day. He also said industry players assured the government that there would not be a surge in chicken prices.

## 'Chicken Prices Remain Steady'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	3	3 Nov

### 'Chicken prices remain steady'

By SHARON LING  
sharonling@thestar.com.my

**KUCHING:** Chicken prices have not shot up in the first two days following the removal of subsidies, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu. He also said there was no shortage based on his observations so far.

"When we started floating chicken prices on Nov 1, there was no sudden increase in the price. There was also no problem with the supply. The situation is normal," he told reporters when visiting a fruit market in Bintulu yesterday.

Mohamad called on chicken traders and farmers not to take advantage of the situation but to sell poultry at the market price.

He said there had been no complaints about the floating of the price in the last two days, but the ministry would continue to monitor the situation.

He also said he took the opportunity to check the price of rice at several outlets during his visit to Bintulu. He was satisfied that the price of imported white rice remained affordable after the government announced a subsidy for the staple in Sabah and Sarawak starting Oct 5.

"This will enable the B40 group in particular to benefit from lower prices for rice," he said.

## A RM6.99 Per KG Chicken Surprise

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	3	3 Nov

# A RM6.99 per kg chicken surprise

By IMRAN HILMY  
imran@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** Customers are making a beeline to a supermarket chain here that is selling fresh chicken at RM6.99 per kg to mark its 63rd anniversary.

Customers were spotted at the grocery section of Sunshine Square Penang yesterday morning buying up the fresh birds.

*Nasi kandar* shop operator Badrul Azlan Ubayathullah Khan, 38, said the price was unexpected.

"I thought when the subsidy was lifted, I was not going to see cheap chicken anymore, but surprisingly, we can get cheap chicken here at Sunshine Square," he said when met at the supermarket.

Badrul Azlan said he has been buying fresh chicken at Sunshine Square for more than 10 years and this price was the cheapest he has seen so far.

"I usually buy chicken at RM8.99 per kg at Sunshine and normally, I would get 10 birds at a time. Now at RM6.99 per kg, I can buy double the usual," he said.

Civil servant Hairil Adzha Hashim, 38, welcomed the initiative by the supermarket and described it as timely.

"With that price, you are not only getting fresh chicken, but quality ones too," he said while urging other retailers to follow in the footsteps of Sunshine Square, as an effort to help the public.

Sunshine Whole Mart S11310 manager Bryan Wong said the sales of chicken at RM6.99 per kg began on Oct 31 and will be on



**Flocking to the best deal in town:** Consumers converging at the chicken section at Sunshine Square. Those visiting the supermarket can buy the birds sold at RM6.99 per kg. — ZHAFARAN NASIB/The Star

until Nov 7 in conjunction with the chain's 63rd anniversary.

He said the initiative was part of the supermarket chain's corporate social responsibility programme in an effort to give back to the community.

"We are not making any profit here. It is like a service to our customers and to the public. We understand that when the subsidy was lifted, it would burden consumers and as retailers, we feel obliged to help as much as

possible," he said.

Wong said the supermarket received full support from its suppliers with regards to the supply of chickens. He said fresh chickens were sold at all Sunshine outlets except the one in Ayer Itam.

On whether the chain will continue the special offer, he said this would depend on sales and if the response continued to be good, the chain would consider continuing it.

Wong added that in conjunction

with the 63rd anniversary celebration, the company is also holding a Sunshine Members Fiesta from Nov 1 to 5 at the Sunshine Banquet Hall in Sunshine Square Bayan Baru.

During this time, Sunshine members will be able to buy selected items at discounted prices.

According to the PriceChecker App by Domestic Trade and Cost of Living Ministry, the price of chicken in Penang ranges from RM6.90 to RM9.40 per kg.

## Penternak Rugi RM15,000 Enam Lembu Mati Dibaham Harimau

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	3 Nov



PENTERNAK menjaga lembu ternakan mereka di Kampung Jahang, Gopeng setelah wujud kebimbangan mengenai kemunculan harimau belang di kawasan tersebut. - UTUSAN

GOPENG: Seorang penternak lembu di Kampung Jahang di sini mendakwa kerugian RM15,000 apabila enam ekor ternakannya mati dipercayai dibaham harimau belang.

Muhamad Noor Sarip, 82, berkata, dia percaya haiwan ternakannya itu mati diserang harimau berdasarkan kesan cakar pada bangkai lembu selain penemuan tapak kaki harimau berdekatan kandang lembu.

Menurutnya, ternakannya ditemukan mati sejak dua bulan lalu apabila empat ekor

lembu hilang.

“Minggu ini dua ekor lagi lembu saya hilang dan selepas dicari, saya hanya terjumpa bangkainya dengan kesan gigitan pada leher dan cakar pada badan.

“Berdasarkan keadaan bangkai lembu yang dijumpai itu, saya percaya haiwan ternakan saya diserang harimau apatah lagi terdapat kesan tapak kaki harimau berdekatan kandang lembu.

“Perhilitan juga

mengesahkan di kawasan ini memang terdapat laporan mengenai kemunculan harimau,” katanya kepada Utusan Malaysia.

Menurutnya, keadaan itu membimbangkannya mungkin lebih banyak ternakannya mati jika haiwan liar itu tidak segera diperangkap.

Katanya, dia juga bimbangkan keselamatan dirinya dan penduduk sekitar kawasan kampung itu berikutan memunculkan haiwan liar itu.

“Sudah tentu penduduk bimbang selepas kemunculan haiwan itu dan saya berharap haiwan itu dapat ditangkap,” katanya.

Kelmarin, Perhilitan Perak mengesahkan selain Kuala Mu di Sungai Siput, harimau belang turut didakwa berkeliaran di Kampung Sahom, Kampar.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff mengesahkan ada menerima aduan berkaitan kehadiran haiwan liar itu di Sahom.

Menurut beliau, harimau belang itu kemungkinan tersesat ekoran habitat asalnya terletak berhampiran di Hutan Simpan Salu.

Katanya, Sahom dekat dengan Hutan Simpan Salu, mungkin harimau tersebut terlajak mencari makan kerana babi hutan di kawasan itu berkurangan ekoran wabak demam babi Afrika (ASF).

Katanya, Perhilitan sudah pasang perangkap bagi menangkap harimau belang itu.-[UTUSAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR